

Gabem perlu tingkat momentum bantu ekonomi Melayu

KUALA LUMPUR 6 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) yang dilancarkan hari ini memainkan peranannya sebagai salah satu platform yang akan memberi ruang dan menambah momentum kepada perjuangan dan jihad ekonomi Melayu,

Perdana Menteri berkata, Gabem harus mampu menjadi perantara yang dinamik agar dasar-dasar negara yang berkaitan dengan usaha mengangkat martabat eko-

nomi orang Melayu terlaksana dengan berkesan dan jayanya.

"Namun, kerajaan dan Gabem hanya mampu menyediakan ruang dan peluang, tetapi setiap dari kita orang Melayu, bertanggungjawab merebut peluang-peluang tersebut dan memanfaatkannya sebaik mungkin.

"Hakikatnya, penentu sebenar kejayaan terhadap segala usaha dan inisiatif yang digagaskan adalah orang Melayu sendiri.

"Justeru, tepuk dada dan tanya selera. Renung sejenak dan bertindak dengan bijak," katanya.

Abdullah berkata demikian dalam kata-kata aluan buku cenderamata sempena Majlis Pelancaran Penubuhan Gabem di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Sehubungan itu, beliau berdoa agar orang Melayu akan mengorak langkah gagah demi mengangkat kedudukan ekonomi se-

cara langsung akan menjulang martabat bangsa.

Perdana Menteri berkata, perjuangan memperkukuhkan ekonomi orang Melayu merentasi pelbagai sektor, terus menjadi agenda penting negara.

Jelas beliau, mengangkat kedudukan dan martabat ekonomi orang Melayu bukan hanya agenda Melayu tetapi, agenda negara yang mahukan kestabilan dan agihan kekayaan yang seimbang antara kaum.